



Dirgahayu Negaraku

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Datuk amat gemar bercerita tentang kisah Jepun _____ cucu-cucunya.
A ke C kepada
B pada D daripada
- 2 Budaya hormat-menghormati kaum lain perlu dipupuk _____ kecil.
A demi C antara
B sejak D kepada
- 3 Sikap saling menghormati kepercayaan dan budaya kaum lain perlu kita amalkan _____ menjamin keamanan negara.
A semasa C walaupun
B supaya D sementara
- 4 Kerajaan wajar memulihara bangunan bersejarah _____ menjadi tarikan pelancong.
A jika C apabila
B kerana D meskipun
- 5 Jalur Gemilang yang berkibar _____ sambutan Hari Kebangsaan telah membuktikan betapa semangat patriotik masih kukuh dalam jiwa rakyat Malaysia.
A untuk
B setelah
C apabila
D semasa

Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- 1 Ukiran kepada badan wau merupakan salah satu keunikan yang menjadi tarikan pelancong di pesta itu.

- 2 Para nasionalis zaman dahulu mempunyai semangat cinta pada negara dan bangsa yang amat tinggi hingga mahu memerdekakan tanah air.

- 3 Beberapa orang pejuang tanah air yang telah terkorban apabila peperangan telah dibawa pulang ke tanah air.

- 4 Jumlah pengunjung ke Muzium Negara semakin meningkat walaupun kerajaan menjalankan kempen Cintai Sejarah Kita.

- 5 Sikap tolong-menolong tetapi saling menghormati antara kaum dapat mewujudkan suasana yang harmoni demi menjamin keamanan negara.
